

HUBUNGAN ANTARA AMALAN DENGAN FAKTOR KITAR SEMULA DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM DI MELAKA (Contextual Factors Affecting the Recycling Practices of Melaka State Civil Servants)

Nor Fazilah Abdul Hamid¹, Mashitoh Yaacob², Kadaruddin Aiyub³,
Rosli Saadan⁴, Nor Azilah Ahmad⁵, Nadzirah Rosli⁶

^{1,4,5}Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Melaka, Malaysia.

^{2,3}Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

⁶Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

E-mel: fazilah@utem.edu.my

ABSTRAK

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti lima aspek perhubungan iaitu hubungan antara amalan kitar semula dan pengetahuan program kitar semula, hubungan antara amalan kitar semula dan pemeliharaan alam sekitar, hubungan antara amalan kitar semula dan kempen kitar semula, hubungan antara amalan kitar semula dan penjanaaan pendapatan dan perhubungan antara amalan kitar semula dan larangan menggunakan polistirena. Sejumlah 417 borang soal selidik yang lengkap telah menghasilkan 80% daripada kadar tindak balas. Reka bentuk kajian ini adalah bentuk deskriptif kuantitatif menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Keputusan menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara amalan kitar semula dan pemeliharaan alam sekitar ($r = 0.80, p \leq 0.05$). Keputusan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara amalan kitar semula dan kempen kitar semula ($r = 0.565, p < 0.05$). Hasilnya juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara amalan kitar semula dan larangan menggunakan polistirena ($r = 0.106, p < 0.05$).

Kata Kunci: Kempen, pemuliharaan alam sekitar, penjanaaan pendapatan, amalan kitar semula

ABSTRACT

The aims of this study were to identify the five aspects of the relationship which are (1) the relationship between recycling practices and knowledge of recycling programs, (2) the relationship between recycling practices and environmental preservation, (3) the relationship between recycling practices and recycling campaigns, (4) the relationship between recycling practices and income generation and (5) the relationship between recycling practices and the use of polystyrene. A total of 417 completed questionnaires has produced 80% of the response rate. This study employed a quantitative descriptive design by using a questionnaire as instrument. From the findings, it was found that there was a significant positive relationship between recycling practices and environmental preservation ($r = 0.80, p \leq 0.05$). The results also indicated that there was a relationship between recycling practices and recycling campaigns ($r = 0.565, p < 0.05$). In addition, the results also showed that there was a relationship between recycling practices and prohibition on polystyrene ($r = 0.106, p < 0.05$).

Keywords: Campaign, environmental conservation, revenue generation, recycling practices

1.0 PENGENALAN

Proses kitar semula melibatkan kaedah atau teknik untuk memproses sisa seperti tin, botol dan kertas untuk digunakan semula. Kaedah kitar semula dalam kehidupan seharian masyarakat semakin popular pada masa kini. Pengurangan sisa pepejal yang ditukar menjadi produk baru yang mempunyai nilai yang tinggi dan berharga merupakan faedah dari pelaksanaan proses kitar semula (Saripah et al. 2012). Pengurusan dalam pengumpulan, penyusunan dan penghantaran bahan sisa pepejal seperti plastik dan kertas perlu dilakukan sebelum dihantar ke tempat pemrosesan. Kreativiti dalam menjalankan pengurusan sisa pepejal ini memberi manfaat terhadap manusia dan kelestarian alam. Semasa peringkat pemrosesan sisa tersebut akan diproses bagi menghasilkan bahan dan produk baharu. Antara faedah aktiviti kitar semula ialah dapat memelihara kualiti alam sekitar, kepesatan ekonomi dan peningkatan sosial hidup masyarakat. Aktiviti kitar semula memberi manfaat terhadap kualiti udara, mengelak berlakunya pencemaran dan dapat mengurangkan pencemaran gas rumah hijau. Selain itu, dapat merangsang ekonomi dan memaksimumkan penggunaan teknologi serta mengurangkan kos bagi penyediaan tapak pelupusan sisa pepejal. Pelaksanaan kitar semula memerlukan pengetahuan, kesedaran dan kesediaan masyarakat dalam menjalankan aktiviti pengasingan bahan buangan, kitar semula memerlukan kesediaan dan usaha bersepadu oleh orang ramai untuk mengasingkan, penyimpanan sisa pepejal mengikut kategori sebelum dihantar ke pusat pemrosesan.

Menurut Irina Safitri (2007) dan Latifah (2010), amalan kitar semula berkait rapat dengan aspek teknikal. Kaedah pemisahan sisa pepejal ke dalam produk baru melibatkan aspek fizikal bahan yang melalui proses kejuruteraan kimia untuk mengubah sifat bahan dan keupayaan pemrosesannya. Pengurusan kitar semula melibatkan sistem pengurusan bersepadu. Sisa pepejal akan melalui proses pengasingan dan sistem pengumpulan di tempat yang telah ditetapkan. Selain itu, kaedah rawatan turut digunakan seperti penggunaan semula bahan sekunder biologi bahan organik (pengomposan), pembakaran dan kambusan tanah. Pada masa kini penggunaan teknologi moden dalam pengurusan sisa pepejal, bahan buangan yang diekstrak oleh aktiviti kitar semula ke dalam bahan mentah dapat menghasilkan produk baru dalam pasaran. Manakala, Seow & Indera Syahrul (2010) yang berpendapat bahawa amalan kitar semula merupakan aktiviti yang dipraktikkan berkesan dalam

sistem pengurusan sisa pepejal. Faedah daripada aktiviti tersebut adalah dapat mengubah sisa pepejal kepada sumber lain melalui pemisahan bahan kitar semula.

Kelestarian alam sekitar di Malaysia adalah agak baru berbanding dengan negara maju lain. Proses pembangunan bandar di Malaysia mengalami transformasi yang pesat setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Fasa pertama pembentukan kawasan bandar telah memberi kesan terhadap perkembangan dan perubahan ekonomi. Selain itu, perkembangan ini juga adalah ekoran daripada penghijrahan dan pertumbuhan penduduk dari luar bandar ke kawasan bandar. Selain itu, aktiviti ekonomi turut meningkatkan lagi kepesatan pembentukan bandar. Bandar-bandar utama di Malaysia mengalami proses tranformasi dan perluasan bandar dengan cepat. Proses perbandaran memberi impak terhadap peningkatan dalam taraf hidup masyarakat. Peningkatan daya permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan yang lebih baik semakin juga semakin cekap. Situasi ini menyebabkan berlakunya peningkatan sisa pepejal.

Berdasarkan statistik dalam negara, berlaku peningkatan jumlah pendapatan sisa pepejal yang dihasilkan pada setiap tahun. Pengeluaran sisa dianggarkan berjumlah adalah 13 000 tan pada tahun 1996 (Ahmad Fariz et al. 2011), dan berlaku peningkatan yang ketara iaitu dengan jumlah 16 200 tan pada tahun 2001 (Rosmidzatul Azila 2011) dan 19 100 tan sehari pada tahun 2006. Dianggarkan, jumlah sampah pepejal terus meningkat kepada 31 000 tan sehari menjelang 2020. Di Malaysia, kawasan tumpuan penduduk seperti di Kuala Lumpur yang menjadi pusat tumpuan projek pembangunan negara menghasilkan sisa pepejal dianggarkan sebanyak 4,000 tan sehari pada tahun 2000. Peningkatan sisa pepejal meningkat daripada 2620 tan setahun pada tahun 1995 kepada 3070 tan dari sisa domestik dan industri pada tahun 2000 (Ramayah et al. 2012).

Dalam mengendalikan pengurusan sisa pepejal, pelupusan sisa merupakan kaedah utama yang perlu dilakukan. Kaedah pelupusan adalah aktiviti terakhir dalam kaedah pengurusan sisa pepejal domestik. Pembakaran sisa pepejal dalam loji incinerator menghasilkan sisa. Pelupusan sisa ini hendaklah diurus dengan baik. Terdapat kaedah pelupusan sisa dijalankan iaitu dengan cara memadatkan sisa tersebut ditempat ia dilupuskan (Hendri 2007). Peningkatan kos pengurusan semakin meningkat tahun demi tahun akibat pembuangan

sisa tersebut. Masalah dan isu pembuangan sisa pepejal yang meningkat setiap tahun telah mengakibatkan peningkatan kos pengurusan sisa pepejal. Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan program kitar semula di bawah tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 1993. Program ini bertujuan untuk menghasilkan bahan yang baru dari amalan kitar semula sebagai sumber ekonomi. Fasa pertama penganjurannya, program ini disertai oleh para sukarelawan, dan masyarakat sekitar. Turut menyertai program ini adalah mereka yang terdiri daripada pertubuhan bukan kerajaan dan wakil dari syarikat multinasional. Kawasan bandar dan perindustrian menjadi tumpuan utama program ini kitar semula.

Semua lapisan masyarakat perlu sedar berkaitan amalan dan kepentingan kitar semula dalam kehidupan seharian. Pengetahuan berkaitan dengan amalan kitar semula akan dapat membantu ahli dalam masyarakat untuk mengamalkan kitar semula dan kesannya dapat membantu mengurangkan masalah alam sekitar. Masyarakat juga perlu mengetahui bagaimana kitar semula dilaksanakan dan mempunyai kesedaran berkaitan program, lokasi dan masa kitar semula. Dalam kajian yang dijalankan oleh Anwar et al., (2014,) menunjukkan bahawa sejumlah 70% rakyat Malaysia menyedari tentang amalan kitar semula dan hanya kurang daripada 25% rakyat sahaja yang terlibat dalam tersebut.

1.1 Masalah Kajian

Kajian ini memilih penjawat awam daripada kerajaan negeri Melaka dan penjawat awam Pihak Berkuasa Tempatan Melaka sebagai responden. Pemilihan ini berdasarkan kepada peranan penjawat awam sebagai kumpulan pertama untuk menerima dasar yang diwartakan oleh kerajaan dan mereka dijangka menjadi perintis untuk melaksanakannya. Di samping itu, penjawat awam juga berperanan sebagai role model yang melaksanakan dan mengamalkan kitar semula sama ada di pejabat atau di rumah. Oleh kerana penjawat awam adalah sebahagian daripada masyarakat, maka penglibatan mereka dalam masyarakat adalah penting untuk memelihara alam sekitar dengan mengamalkan kitar semula dalam kehidupan demi generasi masa depan.

1.2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i) mengenal pasti hubungan antara amalan kitar semula dan pengetahuan program kitar semula.

- ii) mengenal pasti hubungan antara amalan kitar semula dan pemeliharaan alam sekitar.
- iii) mengenal pasti hubungan antara amalan kitar semula dan kempen kitar semula.
- iv) mengenal pasti hubungan antara amalan kitar semula dan penjaan pendapatan.
- v) mengenal pasti hubungan antara amalan kitar semula dan larangan menggunakan polistirena.

2. METODOLOGI

Kajian ini adalah penyelidikan deskriptif. Soal selidik digunakan sebagai alat kajian. Soal selidik ini terdiri daripada beberapa bahagian iaitu latar belakang demografi dan maklumat mengenai subjek seperti umur, jantina, tahap pendidikan, gaji dan perkara penting lainnya. Sementara itu, bahagian lain adalah satu siri soalan yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku rumah terhadap amalan kitar semula di negeri Melaka. Tahap kesahihan soal selidik adalah pada Alpha Cronbach 0.882. Soal selidik ini direka untuk menampung isu-isu penting yang berkaitan dengan amalan kitar semula. Selain itu, soal selidik juga berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan kitar semula dalam kehidupan seharian responden. Setiap set soal selidik terdiri daripada empat bahagian dan dianggarkan bahawa soal selidik memerlukan kira-kira 15 minit untuk menjawab bergantung kepada kecenderungan responden dalam menjawab soal selidik. Data dianalisis menggunakan perisian Perisian IBM SPSS (22.0). Keputusan faktor-faktor yang mempengaruhi penjawat awam dibentangkan menggunakan statistik deskriptif. Parameter deskriptif asas dikira dalam peratusan, min dan sisihan piawai.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Responden dalam kajian ini terdiri dalam kalangan penjawat awam yang berkhidmat di Kerajaan Negeri Melaka yang merangkumi pelbagai jabatan. Dalam kajian ini, penjawat awam dipilih sebagai responden melalui persampelan rawak berstrata. Pemilihan kakitangan awam dari pelbagai jabatan di Kerajaan Negeri Melaka adalah berdasarkan kepada keperluan untuk mendapatkan hasil yang diharapkan untuk mewakili penjawat awam Kerajaan Negeri Melaka.

Jadual 1 menunjukkan demografi responden yang terdiri daripada bilangan responden, jantina, umur, kaum dan sektor pekerjaan.

Jadual 1 Demografi responden

Profil		N	(%)
Jantina	Lelaki	274	65.7
	Perempuan	143	34.3
Umur	20 - 30 tahun.	155	37.2
	31 - 40 tahun	177	42.4
	41 - 50 tahun	60	14.4
	> 51	25	6.0
Bangsa	Melayu	409	98.1
	Cina	4	1.0
	India	4	1.0
	Lain-lain	-	-
Sektor	Kerajaan Negeri	242	58.0
	PBT	175	42.0

Jadual 2 menunjukkan hubungan antara amalan kitar semula dan pengetahuan mengenai program kitar semula. Keputusan menunjukkan tiada hubungan antara amalan kitar semula dan pengetahuan program kitar semula ($r = 0.026$, $p > 0.05$) dan paras signifikan ($p = 0.598$). Ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah kitar semula dengan pengetahuan tentang program kitar semula tidak mempunyai hubungan.

3.1 Hubungan Antara Amalan Kitar Semula dan Pengetahuan Mengenai Program Kitar Semula

Jadual 2 Hubungan antara amalan kitar semula dan pengetahuan mengenai program kitar semula

Pekali Korelasi	Nilai p
0.026	0.598

Aktiviti kitar semula berkait rapat dengan pengetahuan terhadap perkara tersebut serta kesedrannya terhadap penjagaan alam sekitar. Selain itu, sikap merupakan elemen utama dalam menggerakkan amalan kitar semula. Sikap mempengaruhi tingkahlaku manusia. Sikap juga membentuk tingkahlaku manusia dalam kehidupan sehariannya (Ajzen & Fishbein, 1980, Arcury & Christianson, 1990; Bejou & Thorne, 1991; Samuelson & Biek, 1991; Follows

& Jobber, 2000). Kecenderungan sikap manusia terhadap alam sekitar akan mempengaruhi tindakannya terhadap persekitarannya (Ajzen & Fishbein, 1980; Knapp, 1999). Sikap positif terhadap alam sekitar adalah dipengaruhi oleh pengetahuan dan kesedaran individu (Ajzen & Fishbein, 1980). Mittelstaedt et al. (1999) dan Daigle et.al (2002). Lee (2008) dalam kajiannya, telah mendefinisikan sikap dan pengetahuan alam sekitar sebagai nilai pertimbangan individu.

Manakala, Nik Abdul Rashid (2009) telah mendefinisikan sikap dan pengetahuan alam sekitar sebagai kecenderungan untuk belajar bertindak. Tindakan ini adalah secara konsisten sisamping kesedaran dan pengetahuan terhadap alam sekitar. Menurut Brehm dan Kassin (1996), sikap dapat meramalkan tingkah laku. Namun begitu ramalan terhadap sikap adalah terhad isu alam sekitar sahaja.

Selain itu, faktor psikologi mempengaruhi sikap individu. Nilai peribadi, nilai terhadap rakan rapat, keluarga dan kumpulan sosial adalah dipengaruhi oleh sikap. Kebimbangan individu terhadap isu alam sekitar menyebabkannya lebih cepat bertindak bagi mengelakkan kesan terhadap persekitarannya dan keselamatan diri dan keluarganya (Brehm & Kassin 1996). Perasaan dan emosi memberi kesan terhadap penjagaan alam sekitar. Selain itu kesedaran dan pengetahuan terhadap penjagaan alam sekitar dipengaruhi oleh sikap individu (Ling-Yee, 1997). Penemuan kajian ini juga disokong oleh Dispoto (1997). Pengetahuan yang rendah tentang program kitar semula di suatu kawasan boleh memberi kesan negatif terhadap penyertaan dalam aktiviti kitar semula (Marjorie et al. 2006). Kajian Zain et al. (2011) melaporkan bahawa kecenderungan terhadap amalan kitar semula adalah salah satu faktor yang menyebabkan individu tertarik dengan amalan tersebut. Manakala kurangnya kesedaran dan pengetahuan pula akan mempengaruhi amalan individu terhadap amalan kitar semula. Menurut Latif et al. (2012), individu akan bertindak dan berkelakuan mengikut tahap pendidikan dan perbezaan budaya.

Jadual 3 menunjukkan hubungan antara amalan kitar semula dan menjaga alam sekitar. Berdasarkan analisis korelasi Pearson yang dilakukan untuk pasangan pemboleh ubah kitar semula dengan faktor menjaga alam sekitar, terdapat perkaitan yang sangat lemah antara 0.100 hingga 0.290, nilai korelasi Pearson ($r = 0.179$, $p < 0.05$) dan paras signifikan ($p = .000$). Ini menunjukkan

bahawa pemboleh ubah amalan kitar semula dengan faktor menjaga alam sekitaran mempunyai pekali korelasi positif sebanyak 0.179 dan nilai varian pemboleh ubah ialah 3.2%.

3.2 Hubungan Antara Amalan Kitar Semula dan Menjaga Alam Sekitar

Jadual 3 Hubungan antara amalan kitar semula dan menjaga alam sekitar

Pekali Korelasi	Nilai p
0.179	0.000

Penemuan kajian membuktikan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara amalan kitar semula dan pemeliharaan alam sekitar ($r = 0.80$, $\text{sig} = 0.00$). Dalam konteks hubungan antara amalan kitar semula dan sikap alam sekitar, penemuan kajian ini adalah sejajar dengan penemuan dari Dispoto (1997), Ling-Yee (1997), Rahbar & Nabsiah (2010) dan Saripah & Mohd Shukri (2012). Penemuan ini juga menunjukkan bahawa sikap terhadap alam sekitar mempunyai hubungan positif dengan amalan kitar semula. Kajian yang dijalankan untuk mencari hubungan antara bangunan peribadi dan amalan kitar semula cenderung bersetuju bahawa kitar semula mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada tanggungjawab sosial (Stern et al., 1995). Mengitar semula sisa pepejal sebelum pelupusan adalah tindakan ekonomi (Omriani, 1995). Yang penting ialah menggalakkan orang ramai untuk mengurangkan sisa pepejal dan kitar semula (Keynejhad & Ebrahimi, 1999). Selain itu, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa hampir 50 % sisa pepejal akan melalui proses kitar semula (Rahmani & Elyasi, 2000).

Jadual 4, menunjukkan hubungan antara amalan kitar semula dan kempen kitar semula. Berdasarkan analisis korelasi Pearson yang dilakukan untuk pasangan amalan kitar semula dengan faktor kempen kitar semula mempunyai perkaitan yang kuat antara 0.510 hingga 0.800, nilai korelasi Pearson ($r = 0.576$, $p < 0.05$). Ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah amalan kitar semula dengan kempen kitar semula mempunyai atau mempunyai pekali korelasi positif 0.576 dan nilai varians pemboleh ubah ialah 33.2%. Aktiviti kitar semula mendatangkan faedah kepada kelestarian alam dalam jangka masa pendek dan panjang. Amalan kitar semula terbukti dan berpotensi dalam menangani masalah kekurangan tapak pelupusan sampah. Negara kita pada masa kini mempunyai kekurangan tempat pelupusan sampah. Situasi ini berlaku kerana kadar pelupusan sampah semakin hari semakin meningkat ekoran dari aktiviti seharian masyarakat.

3.3 Hubungan Antara Amalan Kitar Semula dan Kempen Kitar Semula

Jadual 4 Hubungan antara amalan kitar semula dan kempen kitar semula

Pekali Korelasi	Nilai p
0.576	0.000

Dapatan kajian dalam Jadual 5 menunjukkan hubungan antara amalan kitar semula dan menjana pendapatan sampingan. Berdasarkan analisis korelasi Pearson yang dijalankan bagi pasangan pemboleh ubah amalan kitar semula dengan faktor menjana pendapatan sampingan mempunyai perkaitan yang kuat iaitu di antara 0.510 hingga 0.800 iaitu nilai Pearson correlation ($r= 0.565$ $p<0.05$) dan paras signifikan (p) = .000. Ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah amalan kitar semula dengan faktor menjana pendapatan sampingan yang mempunyai perkaitan korelasi positif 0.565 dan nilai varian bagi pemboleh ubah ialah 31.9%.

3.4 Hubungan Antara Amalan Kitar Semula dan Menjana Pendapatan Sampingan

Jadual 5 Hubungan antara amalan kitar semula dan menjana pendapatan sampingan

Pekali Korelasi	Nilai p
0.565	0.000

Penemuan menunjukkan bahawa kitar semula sangat memberi manfaat kepada masyarakat. Aktiviti kitar semula dapat menghasilkan produk baharu yang memberikan pulangan yang menguntungkan. Bagi orang berpendapatan rendah, mereka boleh menggunakan kepakaran mereka untuk mencipta sesuatu yang baru dari sesuatu yang mereka tidak mahu menggunakan lagi. Sebagai contoh, akhbar boleh berubah menjadi bakul yang indah dan menarik. Berbagai kraftangan lain boleh dibuat dari akhbar atau tayar lama. Selain itu, barangan yang dihasilkan dapat dipasarkan pada harga yang berpatutan. Di samping itu, masalah kesan rumah hijau dapat dikurangkan melalui kitar semula.

Hasil penyelidikan telah membuktikan bahawa penghasilan barangan baru dari bahan mentah lebih banyak menggunakan tenaga berbanding penghasilan barang baru dari sisa buangan. Gas yang dipancarkan dari kilang-kilang seperti karbon monoksida, oksida sulfur dan metana adalah punca kesan rumah hijau, yang membawa kepada pemanasan global. Ini berlaku apabila banyak tenaga digunakan ketika menghasilkan sesuatu barangan.

Jadual 6 menunjukkan hubungan antara amalan kitar semula dan larangan menggunakan polistirena. Berdasarkan analisis korelasi Pearson yang dijalankan bagi pasangan pemboleh ubah amalan kitar semula dengan larangan penggunaan bekas polistirena mempunyai perkaitan yang kecil iaitu di antara 0.100 hingga 0.290 iaitu nilai Pearson correlation ($r= 0.106$ $p<0.05$) dan paras signifikan (p)= .030. Ini membuktikan bahawa pemboleh ubah amalan kitar semula dengan larangan penggunaan bekas polistirena mempunyai atau terdapat perkaitan korelasi positif 0.106 dan nilai varian bagi pemboleh ubah ialah 1.1%.

3.5. Hubungan Antara Amalan Kitar Semula dan Larangan Menggunakan Polistirena

Jadual 6 Hubungan antara amalan kitar semula dan larangan menggunakan polistirena

Pekali Korelasi	Nilai p
0.106	0.000

Penggunaan pembungkusan makanan mesra alam merupakan cara pembungkusan yang memberi kesan kepada kelestarian alam sekitar serta mesra alam. Kaedah ini telah dilaksanakan secara meluas di negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat dan Eropah atas kesedaran masyarakat melalui sistem pendidikan dalam negara (Zurina Ahmad Saaidi & Ah Choi, 2016). Menurut Mohammad Fazli Sabri dan Teoh Yong Yong (2006), pengguna yang baik sentiasa sedar bahawa produk yang dibeli tidak membahayakan alam sekitar. Kaedah ini dapat melindungi alam sekitar dari tercemar. Inisiatif yang dilakukan ini dapat melindungi masyarakat dan dunia melalui kuasa membeli produk yang boleh memusnahkan persekitaran.

Penggunaan pembungkusan polistirena adalah satu ancaman. Masyarakat telah terdedah kepada penggunaan polistirena sejak sekian lama sehingga sukar untuk mengubah sikap dan persepsi masyarakat daripada penggunaan bungkusan lain yang mesra pengguna. Walau pun bekas polistirena adalah ringan dan boleh terapung tetapi kesannya membawa kepada pencemaran alam sekitar dan berbahaya kepada tubuh badan kerana ianya mengandungi bahan karsinogen yang berpotensi mendatangkan penyakit kanser. Kebimbangan dan kesedaran alam sekitar dapat mengubah sikap dan tingkah laku orang terhadap isu alam sekitar. Situasi ini menunjukkan bahawa jika seseorang individu mempunyai tahap pengetahuan dan kesedaran yang

tinggi, mereka akan mengambil tindakan yang wajar bagi mengekalkan kualiti alam sekitar. Pengabaian terhadap perkara tersebut akan memberi kesan buruk terhadap alam sekitar dan manusia. Sebagai contoh, pada masa kini kerajaan telah mengambil tindakan melarang penggunaan polistirena kepada peniaga makanan.

4.0 KESIMPULAN

Aktiviti kitar merupakan suatu amalan yang telah dilaksanakan di Malaysia. Pelbagai program kitar semula menunjukkan berlaku pengurangan masalah pengurusan sisa pepejal yang semakin serius pada masa kini. Pelbagai program berkaitan kesedaran masyarakat terhadap pengamalan kitar semula giat dijalankan. Masyarakat juga didedahkan dengan kaedah yang betul dalam amalan kitar semula serta didedahkan dengan penguatkuasaan undang-undang dikitar semula. Pelbagai pihak perlu berganding bahu serta mengubah paradigma berkaitan kesedaran pengjagaan alam sekitar melalui kaedah kitar semula. Justeru itu, semua pihak perlu melibatkan diri dalam merealisasikan amalan kitar semula dalam masyarakat.

RUJUKAN

- Ahmad Fariz, M., Abdul Samad, H., Shaharudin, I., Muhammad Rizal, R. & Abdul Hadi, H. S. (2011). Pengembalian Sisa sebagai Sumber Proses Metabolisme untuk Kelestarian Bandar Malaysia. *Journal of Environmental Management* 12(2): 43–53. doi:10.1093/ndt/gfh609
- Ajzen, I. dan Fishbein, M. (1980). *Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior*. Prentice-Hall, Englewood Cliffs, New Jersey.
- Anwar, J., Habib, A., Haslenda, H., Saeed I, A. & Ramli, M. (2014). Municipal solid waste management and potential revenue from recycling in Malaysia.
- Arcury, TA., Christianson EH. (1990). *Environmental Worldview in Response to Environmental Problems: Kentucky 1984 and 1988 Compared*, Sage Journals, Volume: 22 issue: 3, page(s): 387-407.
- Bejou, D. dan Thorne, D. (1991). Exploring the Differences between Recyclers and Non-Recyclers: The Roles of Demographics and Personal Factors. *Proceeding of the Southern Marketing Association Conference*. 91, 110-115.

- Daigle, J. J., Hrubes, D. dan Ajzen, I. (2002). A Comparative Study of Beliefs, Attitudes, and Values among Hunters, Wildlife Viewers, and Other Outdoor Recreationists. *Human Dimension of Wildlife*. 7 (1), 1-19.
- Dispoto, R. G. (1997). Interrelationship among Measures of Environmental Activity, Emotionality and Knowledge. *Educational and Psychological Measurement*. 37(4), 451-459.
- Hendri, Y. (2007). *Persepsi masyarakat tentang keberkesanan kutipan bahan buangan pepejal domestik dan kualiti hidup*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Irina Safitri, Z. (2007). *Amalan Kitar Semula Isirumah di Kuala Lumpur*. Penerbit UKM.
- Keynejhad, A. M. dan Ebrahimi, S. (1999). *Environment Protection Engineering, Vol 2*. Sahand Industrial University, Iran.
- Knapp, C. E. (1999). In Accord with Nature: Helping Students Form an Environmental Ethic Using Outdoor Experience and Reflection. West Virginia: ERIC Clearinghouse on Rural Education and Small Schools.
- Latifah, A. M. (2010). Aplikasi sistem pintar dalam pengurusan sisa pepejal. *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ling-Yee, L. (1997). Effect of Collectivist Orientation and Ecological Attitude on Actual Environmental Commitment: The Moderating Role of Consumer Demographic and Product Involvement. *Journal of International Consumer Marketing*, 9 (4), 31- 54.
- Mittelstaedt, R., Sanker, L. dan VanderVeer, B. (1999). Impact of a Week-Long Experiential Education Program on Environmental Attitude and Awareness. *Journal of Experiential Education*, 22 (3), 138-148.
- Mohamad Fazli Sabri & Teoh Yong Yong. (2006). *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 14(2): 95-109.
- Nik Abdul Rashid, N. R. (2009). Employee Involvement in EMS/ISO 14001 and Its Spillover Effect in Consumer Environmentally Responsible Behavior. Universiti Sains Malaysia, Disertasi Ph.D.
- Omrani, G. A. (1995). *Waste Management*. University of Tehran. Desertasi PhD.
- Samuelson, C. D. dan Biek, M. (1991). Attitudes towards Energy-Conservation: A Confirmatory Factor Analysis. *Journal of Applied Social Psychology*, 12 (7), 549-568.

- Saripah, A. L. dan Mohd Shukri, O. (2012). Recycling Behaviour in Tioman Island: A Case Study. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 36, 707-715.
- Seow, T. W. & Indera Syahrul, M. R. (2010). Sikap Masyarakat Terhadap Program Kitar Semula: Kajian Kes Di Daerah Batu Pahat, Johor. *Journal of Techno-Social* 2 No 1: 75–86.
- Rahmani, H. dan Elyasi, H. (2000). Physical Combination of Yazd Waste. 4th National Congress of Environmental Health, Yazd, Iran. Ramayah, T., Wai, J. C. L. & Lim, S. 2012. Sustaining the environment through recycling: An empirical study. *Journal of Environmental Management* 102: 141–147. doi:10.1108/MEQ-07-2012-0054.
- Rosmidzatul Azila, M. Y. (2011). Pengurusan Alam Sekitar dan Biodiversiti Dari Perspektif Islam. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Stern, P. C., Dietz, T. dan Guagnano, G. A. (1995). The New Ecological Paradigm in Social-Psychological Context. *Environment and Behaviour*. 27 (6), 723-743.
- Zurina Ahmad Saidi, and Er, Ah Choy. (2016). *Penggunaan bekas makanan mesra alam di Malaysia: kajian awal pengetahuan dan kesanggupan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia*. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (10). pp. 113-126. ISSN 2180-2491.

